
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

BVT 311/4 - Entomologi Perubatan & Bandar

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Huraikan ciri-ciri yang membezakan antara nyamuk Anophelinae dan Culicinae. Dengan menggunakan contoh yang spesifik, nyatakan peranan yang dimainkan oleh nyamuk dalam kedua-dua subfamili ini sebagai vektor di Malaysia.

(20 markah)

2. *Aedes* merupakan suatu nyamuk yang kerap didapati dalam jumlah yang banyak di kawasan bandar. Apakah faktor-faktor yang menggalakkan peningkatan populasi nyamuk ini. Huraikan strategi pengawalan yang biasa dibentuk untuk mengawal nyamuk ini.

(20 markah)

3. Dengan menggunakan satu contoh bagi tiap-tiap satu, bincangkan kepentingan ekonomi lalat-lalat dalam famili Muscidae, Glossinidae, Simuliidae dan Psychodidae.

(20 markah)

4. Pengetahuan mengenai kelakuan lipas adalah penting untuk membentuk suatu strategi pengawalan. Huraikan bagaimana pengetahuan ini digunakan bagi membentuk pendekatan kawalan yang digunakan pada masa kini.

(20 markah)

5. Dengan memberi contoh yang spesifik, bincangkan kepentingan anai-anai. Apakah pendekatan yang digunakan untuk mengawal serangga ini.

(20 markah)

6. Tulis nota mengenai kepentingan perubatan serangga-serangga berikut:

(a) *Xenopsylla cheopis*

(10 markah)

(b) *Pediculus humanus*

(10 markah)